

'SEDIA SAHUT CABARAN'

Nazmi beranikan diri jayakan drama 30 episod, Tundukkan Playboy Itu

Oleh **Nor Akmar Samudin**
akmar@hmetro.com.my

Pendatang baru dalam dunia lakonan tanah air, Mohd Nazmi Che Nordin, 27, tidak gentar untuk berhadapan dengan cabaran yang bakal ditempuh.

Dia yang turut aktif di pentas peragaan memiliki pakej lengkap sebagai pelakon mengerti kelebihan yang ada padanya itu tidak mencukupi tanpa disertai usaha dan pengorbanan.

Lantaran itu penuntut Sarjana Perubatan Nuklear Universiti Putra Malaysia (UPM) ini berazam bekerja keras demi menggapai impiannya menjadi pelakon terkenal.

"Saya bersedia sahut cabaran walaupun tahu bukan mudah mencipta nama apatah lagi persaingan sangat sengit.

"Namun kalau tak mencuba, saya tidak akan tahu sejauh mana kemampuan saya," katanya.

Nazmi memberanikan diri menjayakan drama rantaian 30 episod arahan Keoi Khalid berjudul Tundukkan Playboy Itu yang akan mengisi slot Akasia TV3.

Meskipun hanya dibirikan watak pembantu, bagi Nazmi ia permulaan yang baik.

"Saya pegang watak Ash, lelaki yang 'kepo' dan suka bergosip di pejabat. Nampak mudah, tetapi sebagai pendatang baru agak sukar untuk saya menghayati watak.

"Memahami keadaan saya, Keoi dan kru banyak membantu hingga saya dapat menjiwai lakonan. Watak ini menuntut saya bertutur dalam loghat utara dan sudah tentulah mudah kerana saya berasal dari Perlis," katanya.



"Selain berlakon, saya turut mencuba nasib sebagai pengacara dengan mengendalikan program Jemput Makan yang bersiaran di Hypp TV bersama tiga lagi hos"
Nazmi

Jelas Nazmi, penggambaran itu tidak menjejaskan kuliahnya kerana dia kini pelajar semester akhir.

"Pengajian saya akan berakhir bulan depan dan tidak banyak mata pelajaran yang diambil. Penggambaran banyak dilakukan pada hujung minggu, jadi tak ada masalah.

"Selain berlakon, saya turut mencuba nasib sebagai pengacara dengan mengendalikan program Jemput Makan yang bersiaran di Hypp TV bersama tiga lagi hos.

"Program 13 episod yang dirakam di luar studio itu menyaksikan kelainan apabila kami berempuk dikehendaki memasak. Penonton dapat lihat betapa kelam-kabutnya saya di dapur apabila tidak begitu mahir dengan 'periuk belanga,'" katanya seraya ketawa.

Pun begitu, Nazmi teruja kerana program terbabit menguji kebolehannya mengacara sambil memasak.

"Selepas hidangan siap, saya akan menjemput tiga lagi pengacara program ini untuk menikmatinya. Begitu juga apabila pengacara lain memasak saya dan dua lagi pengacara akan merasa air tangannya," katanya.

Meskipun teruja dengan kerjaya seni, Nazmi tetap meneruskan impian menyambung pengajian peringkat Doktor Falsafah (PhD).

"Saya sasarkan untuk raih gelaran 'Dr' pada usia 30 tahun dan saya ada masa tiga tahun lagi. Pada mulanya saya mahu menyambung pengajian di luar negara, tetapi apabila sudah terbabit dalam dunia seni, saya bercadang mengambil PhD di UPM saja," katanya.

Nazmi bebas menikmati kuliah seperti pelajar lain apabila tiada rakan sekuliah tahu dia bergiat dalam bidang lakonan dan peragaan melainkan pensyarahnya.

"Hanya baru-baru ini saja, rakan sebilik tahu saya berlakon apabila nampak saya hafal skrip drama. Sebelum ini dia ada bertanya ke mana saya pergi apabila balik lambat, tetapi saya tidak pernah berterus-terang dengannya.

"Saya minta dia rahsiakan daripada rakan lain kerana tidak suka jadi tumpuan di universiti dan dia memahami," katanya.